



**KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR,
PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA**

KENYATAAN SEBUT HARGA

(SEBUT HARGA NO.: JBPMKL 06/2020)

1. Sebut harga ini adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) dalam kelas, kepala dan sub kepala berkaitan dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dalam gred dan kategori yang berkenaan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi kerja berikut:-

Tajuk Projek	Kelayakan	Tempat, Tarikh & Waktu Sebut Harga Ditutup
KERJA-KERJA MENAIK TARAF, MENYELENGGARA DAN MEMBAIKI KEROSAKAN KUARTERS BALAI BOMBA DAN PENYELAMAT SUNGAI BESI Taklimat dan Lawatan Tapak Kehadiran: Diwajibkan Tarikh: 12.03.2020 (Khamis) Masa: 10.00 pagi Tempat: Kwarters Balai Bomba & Penyelamat Sungai Besi	CIDB Gred G1 Kategori B (Pembinaan Bangunan) dan Kategori CE (Kejuruteraan Awam) Pengkhususan B24 dan CE21 Tempoh Sah Laku Tawaran 90 hari	Peti Sebut Harga, Cawangan Kewangan, Tingkat 2, Ibu Pejabat Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Kuala Lumpur Jalan Maharajalela, 50648 Kuala Lumpur. Tarikh: 19.03.2020 (Khamis) Masa : 12.00 tengahari

* Jenis Syarikat Tempatan: T1 - Syarikat 100% milik tempatan

2. Dokumen Sebut Harga ini boleh diperolehi semasa taklimat dan lawatan tapak dijalankan.

3. Taklimat dan Lawatan Tapak akan diadakan pada **12.03.2020 jam 10.00 pagi** di Kwarters Balai Bomba dan Penyelamat Sungai Besi. **KEHADIRAN ADALAH DIWAJIBKAN.**

4. Sijil Pendaftaran dengan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), serta Sijil Kontraktor Bertaraf Bumiputera dengan PKK (jika ada) yang asal dan masih sah hendaklah ditunjukkan semasa mendapatkan dokumen Sebut Harga dan salinan fotostat hendaklah

dikemukakan untuk simpanan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Kuala Lumpur. **Dokumen Sebut Harga tidak akan dikeluarkan kepada mereka yang gagal mengemukakan sijil tersebut dan/atau tidak menghadiri taklimat/lawatan tapak.**


5. Dokumen Sebut Harga yang telah lengkap diisi mestilah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan ditandakan dengan Tajuk dan Nombor Sebut Harga di atas sampul surat. Dokumen ini hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga di Cawangan Kewangan, Tingkat 2, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Kuala Lumpur, Jalan Maharajalela, 50648 Kuala Lumpur pada atau sebelum jam **12.00 tengah hari, 19.03.2020 (Khamis)** Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kelewatan atau kehilangan dokumen Sebut Harga yang dikemukakan melalui pos. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia juga tidak terikat untuk menerima tawaran terendah atau mana-mana tawaran.

6. Sekiranya terdapat maklumat dalam Dokumen Sebut Harga yang tidak jelas atau bercanggah, kontraktor boleh menghubungi pegawai berikut untuk penjelasan lanjut.

- (a) Nama: Ahmad Fairuz Bin Kamsari
Jawatan: Penolong Kanan Penguasa Bomba
No. Tel.: 017 – 749 1393
- (b) Nama: Mohd Azhar Bin Harun
Jawatan: Ketua Balai Bomba dan Penyelamat Sungai Besi
No. Telefon: +60 17-301 3824

7. Iklan di atas juga boleh diakses dengan melayari laman web rasmi Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia di alamat **www.bomba.gov.my**

Diluluskan Oleh:



YS NORDIN BIN PAUZI

Pengarah
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
Kuala Lumpur
Tarikh: